

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN YAHYA

TARIKH : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada pekerja-pekerja e-hailing dan seumpamanya yang terjejas teruk khususnya dalam suasana pandemik COVID-19 dan PKP ini dan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk berbincang dengan pihak syarikat untuk mengurangkan kadar potongan yang agak tinggi iaitu 20% daripada pendapatan pekerja.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi inisiatif Bantuan Prihatin pemandu teksi dan *e-hailing* di mana ia telah pun disalurkan kepada penerima yang layak bermula 2 April 2020 sehingga 11 Mei 2020.

2. Seramai 34,286 orang pemandu teksi serta 70,472 orang pemandu *e-hailing* telah menerima manfaat daripada bantuan prihatin ini bagi mengurangkan beban kerugian akibat pendapatan yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19 ini.

3. Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah pun mengadakan perbincangan dengan 5 syarikat utama *e-hailing operator* (EHO) yang juga mewakili 90% pemain industri iaitu Grab, Mycar, MULA, MAXIM dan DACSEE berhubung cadangan untuk mengurangkan caj yang dikenakan kepada pemandu kepada kadar di antara 10 peratus ke 15 peratus bagi membantu pemandu *e-hailing* yang terkesan dengan situasi COVID-19 pada masa ini. Daripada jumlah tersebut, 93.8% adalah pemandu *e-hailing* Grab, 2.8% MyCar dan selebihnya lain-lain EHO.

4. Pihak **Grab** telah memaklumkan bahawa mereka tidak dapat menurunkan caj tersebut kepada kadar yang lebih rendah kerana pada masa ini hasil daripada caj yang dikenakan kepada pemandu *e-hailing* telah digunakan semula sebagai insentif kepada pemandu seperti berikut:-

- a) Insentif perjalanan untuk mengambil atau menghantar penumpang mengikut laluan yang lebih panjang disebabkan trafik atau halangan pada laluan asal;
- b) Subsidi kepada pemandu bagi sebahagian besar kos-kos untuk menjadi pemandu e-hailing seperti kos latihan PSV, pemeriksaan kesihatan, kad PSV dan Permit Kenderaan e-hailing (eVP);
- c) Diskaun kepada pemandu-pemandu bagi caj perkhidmatan Grab Food; dan
- d) Program kesetiaan (*loyalty program*) kepada pemandu dan pengguna aplikasi seperti mewujudkan kod promosi dan memberikan diskaun tambahan bagi tempahan.

5. Dalam tempoh COVID-19 ini juga pihak GRAB memaklumkan bahawa mereka telah menyediakan keperluan kepada pemandu untuk menjalankan perkhidmatan dengan selamat seperti penutup muka dan *hand sanitizer* secara percuma.

6. Walau bagaimanapun, syarikat **MyCar** memaklumkan bahawa pada masa ini caj yang dikenakan kepada pemandu e-hailing yang berdaftar dengan mereka adalah pada kadar 10 peratus. Malahan sebagai rekod, pihak MyCar telah dua kali menurunkan kadar caj kepada pemandu iaitu pada 8 Oktober 2019 daripada 15 peratus kepada 12 peratus dan terkini pada 1 Julai 2020 daripada 12 peratus kepada 10 peratus.

7. Syarikat **MAXIM** juga menurunkan kadar komisen kepada 12% hingga 10% bagi membantu pemandunya memperolehi pendapatan tambang dengan lebih baik.

8. Bagi syarikat **MULA**, kadar komisen 15% telah dikenakan sejak Februari 2020 lagi dan akan mengekalkan kadar komisen tersebut untuk menampung operasi syarikat. Namun demikian, syarikat menyediakan insentif kepada pemandu yang mencapai sasaran yang ditetapkan oleh syarikat bagi membantu mereka yang terkesan dengan situasi COVID-19.

9. Bagi syarikat **DACSEE** pula, kadar komisen syarikat 15% telah diamalkan sebelum COVID-19 melanda negara atau sejak September 2019 lagi.

Sekian, terima kasih.